

Agenda Bumiputera Najib menghancurkan ekonomi dan hubungan sosial, kata DAP

Malaysian Insider

Sept 17 , 2013

OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Daripada kembali kepada kegagalan program kroni Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dinasihatkan untuk menjalankan audit terhadap semua program kerajaan yang menasaskan Bumiputera bagi mencari kelemahan, mengatasi ketirisan dan juga meningkatkan prestasi mereka, kata DAP.

Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming (gambar), berkata Najib perlu memikirkan kaedah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

"Contohnya seperti cukai pajakan bagi lot Bumiputera dalam IPO untuk mengelakkan penjualan pegangan untuk untung mudah.

"Pengumuman Agenda untuk Bumiputera menjelang dua hari lagi sambutan Hari Malaysia bukan satu keperluan, sebaliknya ia akan menghancurkan ekonomi dan hubungan sosial negara dalam jangka panjang," katanya.

Model Ekonomi Baru (MEB) jelasnya menasaskan 40 peratus sasaran untuk mengecilkan jurang pendapatan dan kekayaan tanpa mengira bangsa, yang mana tidak termasuk dalam agenda pemerkasaan Bumiputera.

"Lebih mengecewakan Najib meminggirkan kelompok Orang Asli di pedalaman Sabah dan Sarawak, sedangkan MEB secara spesifik mengatakan secara khusus tentang mereka," katanya.

Najib dalam pengumuman pemerkasaan ekonomi Bumiputera memperkenalkan lima langkah bagi memperkasa ekonomi Bumiputera yang menurutnya mampu meningkatkan penguasaan golongan berkenaan menjelang 2020.

Beliau berkata, pegangan ekuiti korporat masih belum mencapai 30 peratus dan golongan tersebut kini masih dalam tempoh transformasi sejak empat dekad lalu.

Empat pendekatan lain yang diumumkan perdana menteri adalah memantapkan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat, mengukuhkan aset bukan kewangan, memperhebat keusahawanan dan memantapkan ekosistem penyampaian kerajaan terhadap golongan Bumiputera.

Ong berkata, selain bertentangan dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP), dan MEB, pengumuman Najib berkenaan agenda Bumiputera itu bertentangan dengan beberapa aspek termasuk pengurusan kewangan awam, termasuk juga inisiatif penyampaian kakitangan awam. – 17 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/agenda-bumiputera-najib-menghancurkan-ekonomi-dan-hubungan-sosial-kata-dap>

